

**PEMILIHAN KUALA KESANG 1877:
SATU KAJIAN MENGENAI
PENGILHAKAN MUAR OLEH MAHARAJA ABU BAKAR**

Oleh

Abdullah Zakaria bin Ghazali

Pendahuluan

Pemilihan di Kuala Kesang pada tahun 1877 adalah satu peristiwa yang sangat memberi ertian dalam perkembangan sejarah Johor, terutamanya kepada keluarga Sultan dan Temenggung. Keputusan pemilihan ini telah menamatkan kekuasaan keluarga Sultan ke atas Johor, memberi kuasa kepada keluarga Temenggung; seterusnya menggunakan gelaran Sultan pada tahun 1885.

Pemilihan ini berlangsung di Kuala Kesang pada hari Jumaat 9 November 1877 untuk menentukan pemerintah Muar. Mereka yang terlibat dalam pemilihan ini ialah Penghulu Adam dari Tanjung Gading, Menteri Khamis dan Penghulu Shamsu dari Tasik, Penghulu Sudin dari Chohong (mereka adalah Penghulu Sungai Kesang); Penghulu Senchu dari Gemir, Penghulu Seman dari Reng, Penghulu Besar Khamat dari Jementah, Penghulu Rahmat dari Kundang, Penghulu Hashim dari Sungai Datu dan Penghulu Dagang Subuh dari Legeh (mereka adalah Penghulu Muar) telah memilih Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.

Muar Diletakkan Di bawah Jagaan Maharaja Abu Bakar

Kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga yang mengalami kererosotan sejak kurun ke-18 menuju keruntuhan pada kurun ke-19. Apabila Sultan Mahmud II mangkat di Lingga pada 12 Januari 1812, takhta kerajaan sepatutnya mengikut adat istiadat Kesultanan Melayu diduduki oleh putera sulong baginda Tengku Long atau Husin, telah diduduki oleh adindanya Tengku Abdul Rahman yang mendapat sokongan kuat daripada Yamtuan

Muda Johor, Raja Jaafar.¹ Pada ketika ini Tengku Husin berada di Pahang kerana berkahwin dengan Che Wan Esah, adik Bendahara Pahang, Tun Ali. Perlantikan ini menimbulkan perselisihan (tanpa perperangan) di antara penyokong Tengku Husin (di antaranya Raja Hamidah) dengan Yamtuan Muda Raja Jaafar dan pengikut-pengikutnya.²

Dalam suasana politik begini, dan British pula mempunyai kepentingan di Singapura, Sir Stamford Raffles telah berjaya mempengaruhi Temenggung Johor, Abdul Rahman menerima Tengku Husin sebagai Sultan Johor.³ Tengku Husin tiba di Singapura dari Riau pada 1 Februari 1819 dan berikutnya pada 6 Februari 1819 diisyiharkan sebagai Sultan Johor.⁴ Seterusnya perjanjian ditandatangani di antara Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman dengan pihak British pada 6 Februari 1819. Dari sini membuktikan bahawa Tengku Husin telah diakui oleh Temenggung Abdul Rahman sebagai Sultan Johor. Dengan itu Sultan Husin adalah Sultan Johor dan mempunyai hak dan kedaulatan ke atas Johor tidak boleh dipersoalkan lagi. Kekuasaan ke atas Johor lebih berkesan lagi dengan berkuatkuasanya Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, yang telah mempastikan sempadan kekuasaan British dan Belanda; serentak bererti Kerajaan Johor Lama kini telah dipecahkan.⁵ Pada tahun 1834 Sultan Husin berpindah dari Singapura ke Melaka; dan mangkat di Umbai pada tahun 1835.⁶ Kemangkatan Sultan Husin digan-

¹Raja Jaafar ialah anak Raja Haji, menggantikan Yamtuan Muda Raja Ali yang meninggal dunia pada 1806 sebagai Yamtuan Muda Keenam.

²Abdullah Zakaria bin Ghazali, Persaingan Di antara Keluarga Sultan Dengan Keluarga Temenggung Di Johor 1835-1885, (Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984), 9-13. R.A. Tiwary, Raffles at Singapore,(B.A. Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1959), 14. W.H. Read, *Play and Politics in Malaya*,(London: 1901), 9-10. L.A. Mills, *British Malaya 1824-1867*,(Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), 64. Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972), 98; *Sejarah Johor*,(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971), 157. Abdul Malek Munip, "Sejarah Awal Negeri Johor", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 8, (April 1979), 12. W. Linehan, *A History of Pahang*,(Kuala Lumpur: MBRAS, 1973), 56. J. Kennedy, *A History of Malaya*,(London: Macmillan Press Ltd., 1975), 92. J.S. Tay, *The Attempts of Sir Stamford Raffles to Secure British Interests in the East-India Archipelago, 1818-1819*,(B.A. Graduation Exercise, University Malaya, Singapore, 1958), 18.

³C.O.273/405. R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "The Power of A Sultan"; R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", Terlampir W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Bengal, 21 Oktober 1846. ⁴Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*,(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972), 62-63.

⁵N. Tarling, *British Policy in the Malayan Peninsula and Archipelago 1824-1871*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969), 25. Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, 179.

⁶C.O.273/406, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali";

Terlampir W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Bengal, 21 Oktober 1846.

tikan oleh puteranya Tengku Ali dan diisytiharkan sebagai 'Sultan' pada 16 September 1840.⁷ Kelewatan pengisytiharan hampir lima tahun ini kerana ada tanda-tanda pihak British tidak mahu mengiktirafkan gelaran ini.

Temenggung Ibrahim menyedari perlantikan Sultan Husin dan Sultan Ali boleh menamatkan kuasa pegangan tradisi beliau ke atas Johor. Mengikut adat kerajaan Johor lama, Bendahara berkuasa di Pahang dan Temenggung pula di Johor. Oleh kerana Sultan telahpun berada di Johor, tambahan pula kerajaan Johor lama telah berpecah menyebabkan Temenggung Ibrahim merasakan perlu mempertahankan kuasa pegangan ke atas Johor yang sejak turun-temurun di tangan keluarga Temenggung.

Dalam hal ini Temenggung sangat berasib baik kerana pihak British memihak keluarganya, dan menjalankan beberapa rancangan memujuk serta menasihat Sultan Ali supaya menyerahkan pentadbiran Johor kepada Temenggung Ibrahim.⁸ Temenggung Ibrahim juga menjalankan usaha mempengaruhi pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British di Singapura, dan pemimpin-pemimpin tempatan menyebelahinya kerana beliau tidak mengiktirafkan Tengku Ali sebagai pengganti Sultan Husin.⁹ Pada tahun 1836, Temenggung Ibrahim memberi kesanggupan bekerjasama dengan Gabenor S.G. Bonham untuk menghapuskan kegiatan lanun di Selat Melaka;¹⁰ dan ini disusuli dengan penganugerahan sebilah pedang kepada Temenggung Ibrahim pada 1 September 1846.¹¹ Oleh kerana dipengaruhi British dan juga masalah kewangan menyebabkan Sultan menantangani perjanjian dengan Temenggung Ibrahim pada 10 Mac 1855. Dengan berkuatkuasa Perjanjian 1855, Sultan Ali menyerahkan kedaulatannya ke atas Johor kepada keluarga Temenggung turun-temurun; tetapi baginda dan keturunannya berkuasa di Muar.¹² Temenggung Ibrahim mengakui Tengku Ali sebagai

⁷C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir Tengku Alami bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Lord Carnavon, 26 Disember 1877.

⁸R.O. Winstedt, *A History of Johor (1365-1895)*, (Kuala Lumpur: (reprint) MBRAS, 6, 1979), 92.

⁹F. Swettenham, *British Malaya*, (London: 1929), 87.

¹⁰Carl Trocki, *Prince of Pirates*, (Singapore: Singapore University Press, 1979), 67. ¹¹Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, (Singapura: The Malayan Publishing House Ltd., 1930), 6.

¹²C.O.273/401, Sultan Alauddin Alam Syah bin Sultan Ali Iskandar Syah (Sultan yang sah bagi Muar dan Jajahannya) kepada Ratu British, 20 Mac 1879.

Sultan, dan Sultan Ali serta warisnya tidak akan menuntut kerajaan (Johor); dan beliau akan terlebih dahulu memberitahu Temenggung sekiranya hendak menetap di Johor.¹³

Apabila Temenggung Ibrahim meninggal dunia pada tahun 1862, jawatan Temenggung digantikan oleh anaknya Abu Bakar,¹⁴ yang pada mulanya memakai gelaran Temenggung, kemudiannya memakai gelaran Maharaja.¹⁵ Maharaja Abu Bakar cuba meluaskan kuasanya ke atas Muar. Sebagai seorang yang cekap bermain politik, Maharaja Abu Bakar sangat rapat dengan pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British di Negeri-Negeri Selat;¹⁶ malah mendapat penghormatan daripada Ratu British (Queen Victoria).¹⁷

Pada 20 Jun 1877 Sultan Ali mangkat di Umbai, Melaka. Pada ketika ini Gabenor Negeri-Negeri Selat dipangku oleh A.E.H. Anson.¹⁸ Kemangkatan baginda menimbulkan masalah pengganti, sehingga jenazah lewat dimakamkan,¹⁹ iaitu pada 8 Julai 1877.²⁰ Pada lazimnya dalam adat Kesultanan Melayu perlantikan pengganti Sultan dibuat sebelum jenazah Sultan dimakamkan. Oleh sebab itu Temenggung dan Penghulu Penghulu Muar menandatangani surat mengakui Tengku Alam, putera Sultan Ali, sebagai pengganti Sultan Ali.²⁰ Begitu juga pada 9 Ogos 1877 Temenggung Muar dan tiga orang putera Tengku Abdul Jalil dalam satu pertemuan membuat keputusan melantik Tengku Alam sebagai pemerintah Muar.²²

¹³N. Tarling, *British Policy in the Malayan Peninsula and Archipelago 1824 -1871*, 60.

¹⁴Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, 12.

¹⁵Ibid., 21.

¹⁶Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), 101.

¹⁷C.O.273/416, "CMDSJ", Lord Carnavon kepada A.E.H. Anson, 3 September 1877.

¹⁸Jawatan ini dipangku sementara menunggu perlantikan Gabenor baru kerana Sir William Jervois bercuti dan seterusnya akan bertugas di Australia. (C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964), 321).

¹⁹Mahmood Adam, Johor dibawah Abu Bakar: Satu Kajian Mengenai Keutuhan Politik Johor, (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975), 32.

²⁰C.O.273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatit surat Tengku Alam kepada A.E.H. Anson, 4 Julai 1877.

²¹C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877. Enclosure 2. Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877.

²²C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 2, "Minute by the Colonial Secretary", 7 Julai 1877. Lihat juga C.O.273/92, "IMSA", W.H. Read kepada Meade,(t.t.).

A.E.H. Anson menjalankan usaha menyekat sebarang perlantikan pengganti Sultan Ali. Beliau menghantar J. Douglas, Setiausaha Pejabat Jajahan Negeri-Negeri Selat, menghadiri upacara pemakaman Sultan Ali di Umbai, Melaka, dengan arahan rahsia supaya tidak ada sebarang pengisytiharan pengganti Sultan Ali dilaksanakan pada hari tersebut.²³ Kemudiannya A.E.H. Anson dengan berdasarkan kepada tindakan Gabenor Sir William Jervois meletakkan semula Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan²⁴ telah menawarkan pentadbiran Muar buat sementara kepada Maharaja Abu Bakar, tokoh yang disukainya sehingga pemilihan dibuat.²⁵ Tawaran ini diterima dengan senang hati oleh Maharaja Abu Bakar yang sememangnya telah lama menunggu peluang ini.

Selepas kemangkatan ayahandanya, Tengku Alam menghantar surat kepada A.E.H. Anson menyatakan bahawa beliau kini sudah berusia tiga puluh dua tahun, putera Sultan Ali dengan Raja Siti adalah waris mutlak menggantikan ayahandanya berdasarkan adat Melayu.²⁶ Tuntutan Tengku Alam tidak dilayan; sebaliknya A.E.H. Anson menegaskan bahawa Maharaja Abu Bakar akan memerintah Muar sehingga keputusan kedudukannya ditentukan. Juga menjelaskan bahawa Tengku Alam tidak boleh menjalankan sesuatu yang manfaat kecuali di bawah tunjukajar Maharaja Abu Bakar.²⁷ Begitu juga, gelaran Sultan yang dipakai oleh Sultan Ali terhapus dengan sendirinya setelah Sultan Ali mangkat.²⁸

Dengan itu pada 29 Jun 1877, A.E.H. Anson menyerahkan pentadbiran Muar kepada Maharaja Abu Bakar.²⁹ Maharaja

²³C.O.273/91, W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir memo.(t.t.).

²⁴C.O.273/416, A.E.H. Anson kepada Lord Carnavon, 6 Julai 1877.

²⁵C.O.273/92, "CTAMS", William F. Robinsan kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

²⁶C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877,

terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatit surat Tengku Alam kepada

A.E.H. Anson. C.O.273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877.

A.E.H. Anson mencatatkan unur Tengku Alam tiga puluh tahun. C.O.273/416,

"CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877.

²⁷C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877.

terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatit surat A.E.H. Anson kepada

Tengku Alam, 5 Julai 1877. C.O.273/101, P. Benson Maxwell, "Correspondence - A

Malayan Grievance", *Pall Mall Gazette*, 15 Mei 1879.

²⁸C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 12 Disember 1877,

terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read di Majlis

Perundangan Singapura".

²⁹C.O.273/416, "CMDSJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29

Jun 1877.

Abu Bakar menerima penyerahan ini.³⁰ Penyerahan pentadbiran Muar kepada Maharaja Abu Bakar ini sementara waktu sahaja.³¹ Cadangan ini dipanjangkan oleh A.E.H. Anson kepada Lord Carnavon, Setiausaha Tanah Jajahan, dalam suratnya bertarikh 4 Ogos 1877.³² Carnavon bersetuju dengan pandangan A.E.H. Anson meletakkan Muar di bawah Maharaja Abu Bakar sementara menunggu keputusan penggantian pemerintah Muar dibuat. Namun begitu beliau mengingatkan A.E.H. Anson supaya berpandukan adat-istiadat dan kehendak penduduk tempatan dalam menentukan pengganti nanti. Setelah penentuan pengganti dibuat, pemerintah yang dibaru dilantik itu hendaklah disahkan oleh Kerajaan British. Namun demikian, sekiranya kelewatan penggantian tidak akan mencetuskan kekacauan Carnavon meminta A.E.H. Anson membatakan sahaja keputusannya itu sehingga Sir William F. Robinson datang bertugas semula di Singapura.³³

Walaupun tindakan A.E.H. Anson ini tidak terlebih dahulu merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerja di Singapura, sebagaimana yang sepatut dilakukannya terlebih dahulu³⁴ tetapi Setiausaha Negeri bagi Tanah Jajahan, Lord Carnavon, hanya memberi amaran sahaja kepada beliau dan mengingatkan supaya jangan melibatkan diri serta campurtangan dalam negeri Melayu. Lord Carnavon juga membuat pengakuan bahawa British tidak akan terlibat dalam pemilihan Muar,³⁵ kerana tidak mahu melibatkan diri dalam perkara yang bertentangan dengan adat orang Melayu.³⁶ Dalam suratnya yang lain kepada Carnavon bertarikh 18 Oktober 1877, A.E.H. Anson mencatatkan bahawa keputusan meletakkan Muar buat sementara sebelum keputusan mutamad di bawah Maharaja Abu Bakar dipersetujui oleh Te-

³⁰C.O.273 416, "CMD SJ", Abu Bakar, Maharaja Johor kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877. Lihat juga C.O.273:98, "PLC", Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877.

³¹C.O.273 416, "CMD SJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877.

³²C.O.273 416, "CMD SJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.

³³C.O.273 416, "CMD SJ", Carnavon kepada A.E.H. Anson, 4 Ogos 1877.

³⁴Mahmood Adam, Johor dibawah Abu Bakar: Satu Kajian Mengenai Keutuhan Politik Johor, 31.

³⁵C.O.273:92, "IMSA", Meade kepada W.H. Read, 15 September 1877. Lihat juga C.O.273:91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877.

³⁶C.O.273:91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877.

menggung dan Penghulu-Penghulu Muar.³⁷

Sementara itu Maharaja Abu Bakar telah membuat peresmian dengan Penghulu-Penghulu dan Temenggung Muar untuk membentuk pentadbiran di Muar. Demi menjaga keamanan Maharaja Abu Bakar telah mengambil keputusan mendirikan balai-balai polis di kedua-dua tebing Sungai Muar dan Kesang.³⁸ Berikutan dengan itu pada 5 Ogos 1877 Maharaja Abu Bakar dan A.E.H. Anson membuat lawatan ke Muar dan Segamat.³⁹ Dalam pertemuan dengan Penghulu-Penghulu di Segamat, A.E.H. Anson melaporkan bahawa mereka memberi pengakuan bersetuju Maharaja Abu Bakar menjadi pentadbir Muar.⁴⁰

Gabenor Sir William C.F. Robinson pulang dari bereutin dan menduduki semula jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat yang sebelum ini dipangku oleh Kolonel A.E.H. Anson. Gabenor William C.F. Robinson meneruskan langkah yang dirintis oleh A.E.H. Anson, menyokong Maharaja Abu Bakar. Padahal Lord Carnavon telah menyatakan kepada W.F. Robinson bahawa kerajaan British tidak mahu campurtangan, lebih-lebih lagi dalam hal yang bersangkutan dengan adat-istiadat orang-orang Melaya. Namun demikian Carnavon juga menegaskan bahawa adalah baik diwujudkan keamanan di Muar.⁴¹

Bagi Sir William F. Robinson sokongan yang diberikan kepada Maharaja Abu Bakar kerana kebolehan dankekayaan-

³⁷C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877, Enclosure 1, Temenggung Muar dan empat orang kepada A.E.H. Anson, 13 Oktober 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 1, A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar, (t.t.). Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 20 Oktober 1877. Juga lihat C.O.273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar, (t.t.), C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar, 5 November 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877. Lihat juga C.O.273/91, "ASM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 20 Oktober 1877. C.O.273/91, "RSM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877, terlampir Temenggung dan Penghulu Muar kepada A.E.H. Anson, 18 Oktober 1877.

³⁸C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877.

³⁹C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.

⁴⁰C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 25 Ogos 1877, terlampir "respecting a Meeting of Chiefs held at Segemet [Segamat], on the Upper Muar, August 1877".

⁴¹C.O.273/416, "CMDSJ", William F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877. Lihat juga C.O.273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877. C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 3 November 1877.

nya.⁴² Beliau menaruh keyakinan bahawa masalah tuntutan Muar akan selesai sekiranya Maharaja Abu Bakar menawarkan jumlah wang belanja yang sesuai kepada Tengku Alam.

Tindakan Maharaja Abu Bakar

Dalam usaha mendapat sokongan dalam pemilihan yang akan berlangsung, didapati bahawa Maharaja Abu Bakar mengeluarkan arahan menangkap dan membawa Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar ke Johor. Kapalapi Maharaja Abu Bakar, *Pulai*, datang ke Muar dan menangkap Wan Muhammad Salleh, (anak Temenggung Muar), Penghulu Shamsu dan Adam yang sedang dalam perjalanan ke Melaka.⁴³ Maharaja Abu Bakar juga dikatakan menghantar dua ratus orang menyerang Muar dan menangkap Temenggung Muar, Wan Ismail.⁴⁴ Wan Ismail dilantik sebagai Temenggung Muar oleh Sultan Ali pada tahun 1861 dan diiktirafkan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, E.A. Blundell.⁴⁵ Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar telah diancam. Sekiranya tidak menyerah diri dan patuh kepada arahan, mereka akan ditembak, rumah-rumah mereka akan digeledah dan dibakar. Oleh itu untuk mengelak daripada pertumpahan darah, mereka menyerah dan seterusnya dibawa ke Johor Bahru. Ketika berada di Johor Bahru Temenggung dan Penghu-

⁴²Tentang kekayaan juga diakui oleh Temenggung Muar, sila lihat C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877, Enclosure 1, Temenggung Muar dan empat orang kepada A.E.H. Anson, 13 Oktober 1877.

⁴³C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877. C.O.273/416, "CMDSJ", William F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1877. C.O.273/101, P. Benson Maxwell, "Correspondence A Malayan Grievance", *Pall Mall Gazette*, 14 Mei 1879. C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Setiausaha Negeri Tanah Jajahan (Carnavon), 13 Disember 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, Enclosure 1, Maharaja Johor, Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Disember 1877. C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877. Lihat juga C.O.273/91, "IMSA", W.H. Read kepada Meade (t.t.). Meade mencatatkan di tepi surat W.H. Read bahawa ia menerima sebagai laporan sahaja. C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam kepada Carnavon 26 November 1877.

⁴⁴C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 8, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877.

⁴⁵C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877.

lu-Penghulu Muar sekali lagi diugut; sekiranya tidak tunduk kepada Maharaja Abu Bakar mereka akan dipenjarakan. Dengan itu Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar mengangkat sumpah di dalam masjid sanggup mematuhi arahan Maharaja Abu Bakar.⁴⁶

Tindakan Maharaja Abu Bakar ini disiarkan dalam akhbar *Straits Times*.⁴⁷ Sehubungan dengan ini, Carnavon meminta penjelasan daripada W.F. Robinson.⁴⁸ W.F. Robinson pula meminta penjelasan daripada Maharaja Abu Bakar.⁴⁹ Maharaja Abu Bakar menafikan berita ini, dan menegaskan bahawa Temenggung Muar datang melawatnya di Johor. Beliau juga menyatakan, kerana A.E.H. Anson memintanya mentadbir Muar maka adalah perlu baginya dan juga pihak British berbicara dengan Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar. Oleh sebab itu Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar dijemput melawat Johor dan Singapura untuk menemui A.E.H. Anson.⁵⁰ Kalau diperhatikan di sini nampak jelas dua perkara yang bercanggah: pertama Maharaja Abu Bakar menegaskan bahawa Temenggung Muar datang melawatnya; kedua menyatakan pula bahawa beliau menjemput Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar datang melawat Johor dan Singapura.

Mengenai paksaan dan tangkapan ini, Tengku Ahmad bin Tengku Long membuat pengakuan di hadapan Hakim Polis, William Edward Maxwell. Tengku Ahmad menyatakan bahawa beliau mendapat perintah daripada Maharaja Abu Bakar melalui Raja Kechil dan Encik Andak. Dalam perintah ini, Tengku Ah-

⁴⁶C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir Enclosure 8, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877.

⁴⁷C.O.273/92, "MS", Willaim F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877. Lihat terlampir Maharaja Abu Bakar kepada William F. Robinson, 5 Disember 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁴⁸C.O.273/416, "CMDSJ", Carnavon kepada Gabenor Sir William C.F. Robinson, 25 September 1877. Carnavon mengharapkan semoga berita ini tidak benar. Lihat juga C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

⁴⁹C.O.273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁵⁰C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877. Lihat terlampir surat Maharaja Johor kepada William F. Robinson, 5 Disember 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, Enclosure 1, Maharaja Johor, Abu Bakar kepada Gabenor Megeri-negeri Selat, 5 Disember 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.

mad diarahkan menjemput Temenggung Paduka Tuan (Temenggung Muar) di Lubuk Tebrau datang ke Johor. Sekiranya Temenggung Muar menolak, hendaklah ditangkap; dan sekiranya menentang hendaklah dibunuh.⁵¹ Setelah menerima perintah ini, Tengku Ahmad bersama empat orang berangkat ke rumah Temenggung Muar. Masing-masing membawa selaras senapang. Apabila tiba di rumah Temenggung Muar, Tengku Ahmad menyatakan perintah Maharaja Abu Bakar meminta Temenggung datang menemuinya. Walaupun Temenggung memberi alasan bahawa tidak perlu berunding kerana sudah ada pemilik yang sah, tetapi Tengku Ahmad menjelaskan bahawa Temenggung Muar mesti datang menemui Maharaja Abu Bakar.⁵²

Maharaja Abu Bakar juga mengeluarkan perintah kepada Encik Andak supaya menjemput Tengku Nong atau Tengku Omar datang menemuinya. Sekiranya menolak ditangkap, dan kalau menentang dibunuh. Encik Andak mengarahkan Raja Ahmad menjalankan tugas ini. Raja Ahmad mengambil masa beberapa hari mencari Tengku Nong tetapi gagal menemuinya. Dengan itu Raja Ahmad pulang melaporkan kepada Encik Andak.⁵³

Maharaja Abu Bakar menafikan memaksa dan menangkap Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar. Beliau menegaskan bahawa tidak mengeluarkan sebarang perintah seperti pengakuan Tengku Ahmad; malah Encik Andak yang dikatakan Tengku Ahmad memerintahnya tidak ada di Kuala Lenga pada masa itu. Encik Andak berada di Segamat, iaitu 64.4 kilometer jaraknya dari Kuala Lenga. Maharaja Abu Bakar ada mengarahkan

⁵¹C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat W.H. Read kepada Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 10 Disember 1877. Lihat juga C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat W.H. Read kepada Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 10 Disember 1877, terlampir kenyataan Tengku Ahmad bin Tengku Long, 10 Disember 1877. Surat pengakuan ini ditandatangani oleh W.E. Maxwell, Hakim Polis dan Jaksa Pendamai Negeri-negeri Selat dan G. Rappe. C.O.273/416, "CMDSJ". William C.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, Enclosure 3, "Declaration of Tunku Ahmat [Ahmad]", C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, Enclosure 2, W.H. Read kepada Setiausaha Tanah Jajahan (J.D. Douglas), 10 Disember 1877.

⁵²Ibid.

⁵³C.O.273/416, A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877. C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura".

Raja Ahmad menjemput Temenggung dan penghulu-penghulu Muar datang ke Johor.⁵⁴

Raja Ahmad terus menyempurnakan tugasnya dengan menghantar beberapa orangnya menyampaikan titah Maharaja Abu Bakar kepada Penghulu Kesang, Tanjung Gading, Tasik, Chohong, Jementah dan juga kepada penduduk-penduduk Muar. Dengan itu pada 22 Julai 1877 Penghulu Adam, Tanjung Gading; Penghulu Shamsu, Tasik; Penghulu Dagang Subuh, Legeh; Menteri Khamis, Tasik; dan Mukim Ibrahim, Wan Muhammad Salleh serta Wan Abas datang menemui Raja Ahmad menyatakan kesanggupan mengadap Maharaja Abu Bakar di Johor Bahru. Pada 23 Julai 1877 mereka berangkat ke Johor Bahru.⁵⁵

Kemudiannya Raja Ahmad, ditemani oleh Ungku Andak berangkat ke Lenga dengan kapal api *Pulai*. Orang Kaya Abu Bakar juga turut serta, tetapi menaiki perahu ‘kolek’. Kedatangan wakil Maharaja Abu Bakar untuk menjemput Temenggung Muar ke Johor Bahru diketahui oleh Encik Andak, Residen Padang yang berkebetulan pada ketika ini berada di Segamat. Dengan itu pada 23 Julai 1877 beliau menghantar Encik Endut memberitahu Temenggung Muar tentang jemputan tersebut. Pada 24 Julai 1877 Encik Endut pulang melaporkan bahawa Temenggung Muar akan datang menemui Encik Andak di Kuala Segamat.⁵⁶ Setelah sampai di Lenga, Raja Ahmad menghantar

⁵⁴ C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 2, “Translation A” Maharaja Abu Bakar kepada Raja Ahmad, 13 Julai 1877. Surat ini ditulis oleh Maharaja Abu Bakar di atas kapal api *Pulai* ketika berada di Kuala Muar. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir, Maharaja Abu Bakar kepada Raja Ahmad bin Raja Shahid, 13 Julai 1877.

⁵⁵ C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 9, “Translation H”, pengakuan Wan Muhammad Ali di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 3, “Translation Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 3, “Translation B”, Laporan Raja Ahmad bin Shahid, 30 Julai 1877. C.O.273/93, “TATM”, W.F. B”, Laporan Raja Ahmad bin Shahid, 30 Julai 1877. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir Laporan Raja Ahmad bin Raja Shahid, 30 Julai 1877.

⁵⁶ C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 4, “Translation C”, Pengakuan Encik Andak di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir pengakuan Encik Andak di hadapan Tuan W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Encik Andak di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 20 Zulhijah 1294 (26 Disember 1877).

orangnya menjemput Wan Muhammad Ali dan Raja Haji di Bukit Kepong. Pada 24 Julai 1877 Raja Haji datang menemui Raja Ahmad. Beliau mengarahkan Raja Ahmad ke Lubuk Tebrau memberitahu Temenggung Muar mengenai jemputan Maharaja Abu Bakar ke Johor.⁵⁷ Raja Haji berangkat ke Lubuk Tebrau dengan perahu *jala* dan tiba pada waktu malam.⁵⁸ Wan Muhammad Ali juga datang menemui Raja Ahmad, dan beliau diperintahkan ke Lubuk Tebrau memberitahu Temenggung Muar tentang jemputan Maharaja Abu Bakar ke Johor. Beliau berangkat dengan perahu ‘bedar’ dan sampai di Kuala Segamat pada 25 Julai 1877. Di sini Wan Muhammad Ali bertemu Encik Andak yang sengaja datang untuk berjumpa Temenggung Muar. Mereka bersama menaikki perahu ‘bedar’ ke Lubuk Tebrau dan sampai pada waktu malam.⁵⁹ Raja Haji sudah pun berada di sini. Dalam pertemuan tersebut Temenggung Muar menyatakan kesanggupannya untuk mengadap Maharaja Abu Bakar, dan akan menemui Raja Ahmad di Kuala Lenga.⁶⁰ Pada 26 Julai 1877 Raja Haji, Wan Muhammad Ali, Temenggung Muar dan keluarga bertolak dari Lubuk Tebrau. Mereka bermalam di Tebing Tinggi. Pada 27 Julai 1877 mereka meneruskan perjalanan

⁵⁷C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 3, “Translation B”, Laporan Raja Ahmad bin Raja Shahid, 30 Julai 1877; lihat juga Enclosure 6, “Translation E”, pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad bin Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1878. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad bin Salleh, Hakim Johor, 20 Zulhijah 1294 (26 Disember 1877).

⁵⁸C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1877, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1877, Enclosure 6, “Translation E”, pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir, Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 20 Zulhijah 1294 (26 Disember 1877).

⁵⁹C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, terlampir Enclosure 4, “Translation C”, pengakuan Encik Andak di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 6, “Translation E”, pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Wan Muhammad Ali di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

⁶⁰Ibid.

dan singgah sekejap di Bukit Kepong untuk meninggalkan anak dan isteri Temenggung Muar di sini.⁶¹ Rombongan ini tiba di kapal api *Pulai*, di Kuala Lenga pada jam 9.00 malam 28 Julai 1877 dan seterusnya berjumpa Raja Ahmad.⁶² Pada 29 Julai 1877 mereka bertolak ke Johor dan tiba pada hari yang sama.⁶³

Muhammad Salleh, anak Temenggung Muar, Penghulu Abas Jementah; Penghulu Dagang Subuh Legeh; Penghulu Shamsu dan Menteri Khamis Tasik, Kesang; Penghulu Adam dan Ibrahim Tanjung Gading telah menghantar surat kepada A.E.H. Anson yang menyatakan persetujuan mereka ke atas keputusan pihak British meletakkan Muar buat sementara di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar sehingga penentuan pengganti yang sah dibuat.⁶⁴ Surat ini juga menyatakan bahawa Maharaja Abu Bakar adalah ‘Tuan’ mereka, dan mempercayai dengan cara ini pihak British dapat mengelakan berlakunya sebarang kekacauan di Muar.⁶⁵ Begitu juga dengan Temenggung

⁶¹C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 6, “Translation E”, pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. Lihat juga C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir, pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

⁶²C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 7, “Translation F”, pengakuan Ungku Andak, Residen Pahang, di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 8, “Translation G”, pengakuan Orang Kaya Abu Bakar di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Wan Muhammad Ali di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

⁶³C.O.273/416, “CMDSJ”, William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 3, “Translation B”, laporan Raja Ahmad bin Raja Shahid, 30 Julai 1877. Lihat juga C.O.273/93, “TATM”, W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir laporan Raja Ahmad bin Raja Shahid, 30 Julai 1877.

⁶⁴C.O.273/92, “MS”, William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Timer*, 12 Disember 1877, tercatat surat Muhammad Salleh dengan enam orang kepada Yang Mulia Pemerintah Negeri-Negeri Selat, 26 Julai 1877. Lihat juga C.O.273/416, “CMDSJ”, A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 3, surat Muhammad Salleh, anak Temenggung Muar dan enam orang kepada A.E.H. Anson, 26 Julai 1877.

⁶⁵Ibid.

Muar, Ismail mengirimkan surat kepada A.E.H. Anson menyatakan persetujuannya terhadap langkah British meletakan Muar buat sementara di bawah jagaan Maharaja Abu Bakar.⁶⁶

Encik Andak pula menjelaskan bahawa ia tidak menerima perintah daripada Raja Ahmad, dan tidak mengarahkan Tengku Ahmad memudiki sungai menjemput Temenggung Muar. Malah Encik Andak menegaskan bahawa ia tidak pernah berjumpa Tengku Ahmad di Lenga; dan tidak mengarahkan Tengku Ahmad menjemput Tengku Omar atau Tengku Sulong. Juga pasukan polis beserta senjata tidak pernah mudik ke Lubuk Tebrau. Begitu juga dengan Raja Ahmad, beliau menafikan mengarahkan Tengku Ahmad menjemput Temenggung Muar mene-muinya.⁶⁷

Raja Haji dan Wan Muhammad Ali menegaskan bahawa mereka tidak melihat sebarang pasukan polis datang untuk menyerang Muar.⁶⁸ Ungku Andak dan Orang Kaya Bakar menafikan mereka ke Lubuk Tebrau.⁶⁹ Maharaja Abu Bakar pula menafikan kenyataan oleh Tengku Ahmad; tetapi mengakui bahawa dua atau tiga buah perahu yang boleh memuatkan lapan orang tiap-tiap perahu mudik ke Lubuk Tebrau.⁷⁰ Maharaja Abu Bakar juga mengesyaki bahawa ketika berada di Singapura,

⁶⁶C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatat "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura", surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau kepada Yang Mulia Pemerintah Negeri-Negeri Selat, 28 Julai 1877.

⁶⁷C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 5, "Translation D", pengakuan Raja Ahmad di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

⁶⁸C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 6, "Translation E", pengakuan Raja Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/93, "TATM", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Wan Muhammad Ali di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

⁶⁹C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 7, "Translation I", pengakuan Ungku Andak di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. C.O.273/93, "TATM", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Orang Kaya Bakar di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

⁷⁰C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878.

Temenggung Muar disoalsiasat oleh A.E.H. Anson dan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan.⁷¹

Pemilihan Kuala Kesang

Dalam pemilihan dan perlantikan pemerintah Muar, A.E.H. Anson mengambil keputusan bahawa akan ditentukan oleh Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar. Beliau berpendapat bahawa Temenggung Muar adalah tokoh yang berwibawa tinggi di Muar.⁷² Anson memberi jaminan kepada Carnavon bahawa kerajaan British tidak akan terlibat dalam pemilihan tersebut.⁷³ Namun begitu A.E.H. Anson mengesyorkan menghantar seorang wakil dalam pemilihan itu. Cadangan ini dikemukakan juga kepada Temenggung Muar.⁷⁴ Harapan Anson, syornya ini nanti akan ditimbangkan oleh Sir William Robinson apabila beliau pulang memegang semula jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat.⁷⁵

A.E.H. Anson juga cuba mendapatkan maklumat daripada Temenggung Muar tentang bilakah upacara pemilihan akan dilangsungkan supaya senang menguruskan penghantaran wakil ke sana.⁷⁶ Dalam jawapannya kepada A.E.H. Anson, Temenggung Muar menyatakan bahawa upacara itu akan dilangsungkan pada jam 9.00 pagi, 8 November 1877 di Kuala Kesang; juga kesudiannya menerima kehadiran pegawai British di hari pemilihan itu.⁷⁷ Carnavon dalam telegramnya kepada A.E.H. Anson

⁷¹Ibid.

⁷²C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877. C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877. C.O.273/91, "RSM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877.

⁷³C.O.273/91, "RSM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877.

⁷⁴C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar. (t.t.).

⁷⁵C.O.273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877.

⁷⁶C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 1, A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar. (t.t.).

⁷⁷C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 3, Temenggung Muar dan Penghulu-Penghulu kepada A.E.H. Anson, 22 Oktober 1877. (Surat ini diterjemahkan oleh M. Mohamed Said). C.O.273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir Temenggung Muar dan Penghulu-Penghulu kepada A.E.H. Anson, 14 Syawal 1294 (22 Oktober 1877). C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, terlampir Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar kepada A.E.H. Anson, 22 Oktober 1877. C.O.273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877; "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

menasihatkan supaya tidak melibatkan diri dalam adat-istiadat Melayu. Walaupun dinyatakan tidak akan campurtangan dalam pemilihan, Carnavon lebih condong kepada kebolehan Maharaja Abu Bakar. Beliau menegaskan bahawa tidak ada tokoh lain yang boleh menandingi Maharaja Abu Bakar.⁷⁸

William C.F. Robinson pulang dari bercuti, memegang semula jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat pada Ogos 1877 telah meneruskan segala tindakan yang dirintiskan oleh A.E.H. Ans-on. W.F. Robinson telah melantik A.M. Skinner, Penolong Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat sebagai wakil ke upacara pemilihan yang akan diadakan nanti.⁷⁹ Padahal sebelum ini W.F. Robinson bercadang untuk menghantar J. Douglas, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat.⁸⁰ Pertukaran ini dibuat kerana A.M. Skinner mengetahui adat istiadat dan bahasa Melayu.⁸¹ A.M. Skinner diarahkan tidak boleh campurtangan dalam pemilihan; dan beliau hanya sebagai pemerhati sahaja.⁸² Maharaja Abu Bakar mengambil keputusan tidak akan berangkat ke Muar sebelum pemilihan dilangsungkan.⁸³

Pada 6 November 1877 J. Douglas berjumpa dengan Tengku Alam, dan beliau menjelaskan bahawa pihak British tidak berniat untuk mempengaruhi mana-mana pihak dan melibatkan diri dalam pemilihan pemerintah Muar.⁸⁴ Dalam pertemuan ini juga, J. Douglas menyatakan bahawa Tengku Alam adalah waris dan berhak hadir dalam pemilihan di Muar. Dengan itu Tengku Alam meminta kebenaran J. Douglas menaiki kapal api *Pluto*

⁷⁸C.O.273/416, "CMDSJ", Carnavon kepada Gabenor Sir William C.F. Robinson, 25 September 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

⁷⁹C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877. C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877. C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir J. Douglas (Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat) kepada A.M. Skinner, 7 November 1877. C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir J. Douglas kepada A.M. Skinner, 7 November 1877.

⁸⁰C.O.273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877.

⁸¹C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

⁸²C.O.273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

⁸³C.O.273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877.

⁸⁴C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 12, "Minute respecting Tunku Alam's petition by the Colonial Secretary", J. Douglas, 28 November 1877. C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar kepada Carnavon, 26 November 1877.

ke Muar, tetapi tidak dibenarkan. Dalam alasannya, J. Douglas menegaskan bahawa orang-orang Maharaja Abu Bakar tidak dibenarkan menaiki kapal api *Pluto*. Oleh itu adalah tidak adil sekiranya beliau memberi kebenaran kepada Tengku Alam. Dengan itu Tengku Alam menyatakan bahawa beliau akan berangkat sendiri ke Muar.⁸⁵

Sebelum berangkat ke Muar, A.M. Skinner mendapat arahan daripada J. Douglas bahawa beliau tidak boleh terlibat dalam pemilihan. Pemilihan tersebut hendaklah diselesaikan oleh Temenggung dan Penghulu Penghulu Muar. A.M. Skinner diberi tugas menjelaskan kepada Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar bahawa calon yang akan dipilih nanti hendaklah memberi kebaikan dan manfaat kepada Muar. A.M. Skinner juga diarahkan memberitahu kepada Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar bahawa Maharaja Abu Bakar adalah pemerintah sementara Muar; hendaklah membuat pemilihan dengan berani; dan apabila pemilihan selesai beliau akan menghantar laporan kepada kerajaan Negeri-Negeri Selat.⁸⁶

Pada hari Rabu 7 November 1877 A.M. Skinner berangkat ke Muar dengan kapal api *Pluto*⁸⁷ sebagai wakil kerajaan.⁸⁸ Beliau tiba di Kuala Kesang pada Khamis 8 November 1877.⁸⁹ Di sini telah ada beberapa buah perahu dengan bendera Johor yang berkibar, dan hampir dua ratus dan tiga ratus orang Johor.⁹⁰ Kedudukan tempat perhimpunan, kira-kira 0.8 kilome-

⁸⁵C.O.273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir J. Douglas kepada A.M. Skinner, 7 November 1877. Lihat juga C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 12, "Minute respecting Tunku Alam's petition by the Colonial Secretary", J. Douglas, 28 November 1877,

⁸⁶C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir J. Douglas kepada A.M. Skinner, 7 November 1877. C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir J. Douglas kepada A.M. Skinner, 7 November 1877.

⁸⁷C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan (J. Douglas), 12 November 1877. C.O.273/416, A.M. Skinner kepada Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877.

⁸⁸C.O.273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁸⁹C.O.273/416, A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877. C.O.273/92, "CTAMS", William F. A. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁹⁰C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877. C.O.273/92, "CTAMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

ter dari Kuala Sungai Kesang. Di pengkalan pula dibina sebuah bangsal, di hadapan jalan raya Ladang Herr Lind, dihiasi dengan daun-daun pisang dan kelapa. Perhiasan ini dibuat dari pengkalan hingga ke balai. Begitu juga dengan balai, dihiasi dengan indah. Ketibaan A.M. Skinner disambut oleh Temenggung Muar dan anaknya, serta Penghulu-Penghulu Muar dan kira-kira dua ratus orang. Juga turut hadir tiga orang Jerman: Herr Von Lange, pengurus Ladang Herr Lind; penolongnya, Herr Lange; dan Herr Perser, pengurus Ladang Dr. Bentley di Padang.⁹¹

Di antara mereka yang hadir di balai ialah Temenggung Muar, A.M. Skinner, Ungku Andak dan Penghulu-Penghulu Muar-Kesang. Perbincangan dimulakan dengan usul menentukan mereka yang layak mengundi. Dalam perbincangan itu keputusan dicapai bahawa Ungku Andak tidak mempunyai hak dalam pemilihan pemerintah Muar. Kemudiannya A.M. Skinner mengesyorkan supaya pengundian dilangsungkan pada Jumaat 9 November 1877, dan dipersetujui oleh Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar.⁹²

Pada Jumaat 9 November 1877, mesyuarat diteruskan, satu senarai nama pengundi disediakan pada jam 11.00 pagi. Mereka yang disenaraikan ialah Wan Salleh, Wan Hassan (kedua-duanya anak Temenggung Muar); Penghulu Merjan, Kuala Kesang; Penghulu Adam, Tanjung Gading; Menteri Khamis dan Penghulu Shamsu, Tasik; Penghulu Sudin, Chohong -mereka adalah Penghulu Sungai Kesang; Penghulu Senchu, Gemir; Penghulu Seman, Reng; Penghulu Khamat, Jementah; Penghulu Rahmat, Kundang; Penghulu Hashim, Sungai Datu dan Penghulu Dagang Subuh, Legeh - mereka adalah Penghulu Muar.⁹³

Walaupun begitu soal pengundi ditimbulkan lagi. Kali ini kedudukan Wan Hassan, Wan Salleh dan Penghulu Merjan dipersoalkan pula. Wan Hassan dan Wan Salleh bukanlah Peng-

⁹¹C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir A.M. Skinner kepada J. Douglas, 12 November 1877. C.O.273/416. A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877. Orang-orang Jerman ini terlibat dalam tanaman tembakau.

⁹²C.O.273/92. "MS". William C.F. Robinson kepada Carnavon, 12 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877. "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura".

⁹³C.O.173/416. A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877. C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir A.M. Skinner kepada J. Douglas, 12 November 1877.

hulu, dan dengan itu tidak ada hak mengundi. A.M. Skinner cuba memasukkan juga Wan Hassan dan Wan Salleh ke dalam senarai, di atas nama Penghulu Besar-Besar tetapi mereka yang hadir tidak menerima. Penghulu Merjan pula dipersoalkan kerana ada tuntutan daripada Encik Mat bahawa beliau mempunyai surat tauliah daripada Sultan Ali menjadi penghulu bagi orang-orang Jawa di Kuala Kesang. Oleh kerana Penghulu Merjan gagal menunjukkan cop kuasa dengan alasan tertinggal di Johor Bahru;⁹⁴ padahal cop kuasanya telah ditarik balik oleh Dato' Bentara Dalam,⁹⁵ dan itu untuk mengatasi masalah ini Penghulu Merjan digugurkan dan Encik Mat tidak disenaraikan. Penghulu Kota, Muar juga tidak disenaraikan kerana jawatannya belum dipenuhi.

Setelah selesai menentukan pengundi, pemilihan dilangsungkan. Dua orang Penghulu⁹⁶ bangkit menyatakan bahawa mereka mahu Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Sikap Penghulu ini memerlukatkan Temenggung Muar.⁹⁷ Namun begitu majlis yang bersidang bersetuju bahawa Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.⁹⁸

Setelah pemilihan selesai, masing-masing Penghulu pulang⁹⁹ dan A.M. Skinner pula pulang ke Singapura.¹⁰⁰ Di Singapura, A.M. Skinner melaporkan kepada W.F. Robinson bahawa sokongan kepada Maharaja Abu Bakar adalah disebabkan kecekapan Maharaja mentadbir Muar, Temenggung Muar tidak digemari, dan kebimbangan sekiranya Tengku Alam menggantikan Sultan Ali, Temenggung Muar akan diwakilkan mentadbir Muar.¹⁰¹

⁹⁴Ibid.

⁹⁵C.O.273/92, "MS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 November 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura".

⁹⁶A.M. Skinner tidak mencatatkan nama mereka.

⁹⁷C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir A.M. Skinner kepada J. Douglas, 12 November 1877.

⁹⁸C.O.273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir A.M. Skinner kepada J. Douglas, 12 November 1877. C.O.273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁹⁹Ibid.

¹⁰⁰C.O.273/416, "CMDSJ", A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877.

¹⁰¹C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877.

Kesimpulan

Keputusan pemilihan Kuala Kesang telah menamatkan kekuasaan keluarga Sultan ke atas Johor, khususnya Muar. Walau pun berkali-kali kerajaan British menegaskan tidak akan terlibat dalam hal-ehwal adat tempatan dan penentuan pengganti,¹⁰² tetapi sebenarnya mereka terlibat. Pemangku Gabenor A.E.H. Anson adalah pegawai British yang bertanggungjawab dalam soal ini. Kerajaan British pula, walaupun menyedari kesalahan dilakukan oleh A.E.H. Anson tetapi hanya memberi amaran sahaja. Pemilihan Kuala Kesang dilaporkan oleh akhbar *Straits Times* seperti berikut:

The truth is the election was a swindle and a farce. Even Mr. Skinner seems to have been shocked by the presence of two of the Maharaja's Councillors.¹⁰³

Namun begitu bagi A.M. Skinner pemilihan tersebut berlangsung tanpa dipengaruhi oleh sesiapa atau British.¹⁰⁴ W.H. Read meragui laporan A.M. Skinner dan berpendapat bahawa laporan itu tidak lengkap.¹⁰⁵ J. Douglas pula mempercayai bahawa Temenggung dan Penghulu-Penghulu Muar dipengaruhi oleh kedatangan Ungku Andak dan kapal api *Pulai*.¹⁰⁶ Dalam Majlis Perundungan Singapura, W.H. Read mengkritik pemilihan tersebut seperti berikut:

This is certainly a very peculiar way of conducting an impartial election! Now in my part of England such conduct would be called intimidation and threatening, and would invalidate an election. I don't know what it may be called in this place....¹⁰⁷

¹⁰²C.O.273/91, "RSM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877.

¹⁰³C.O.273/91, "CTAMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*.

¹⁰⁴C.O.273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

¹⁰⁵C.O.273/92, "MS", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir "Ucapan W.H. Read dalam Majlis Perundungan Singapura", 12 Disember 1877.

¹⁰⁶C.O.273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada W.F. Robinson, 28 November 1877.

¹⁰⁷C.O.273/92, "MS", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundungan Singapura".

W.H. Read juga menegaskan adalah tidak adil mengenepikan Tengku Alam, waris yang sah, dan meletakkan Muar di bawah Maharaja Abu Bakar.¹⁰⁸

Walaupun begitu kerajaan British melalui Michael Hick Beach, Setiausaha Tanah Jajahan di London mengarahkan W.F. Robinson mengiktirafkan keputusan pemilihan Kuala Kesang secara rahsia supaya tidak ada tanggapan terhadap keterlibatan British dalam pengiktirafan tersebut.¹⁰⁹ Dengan itu pemilihan Kuala Kesang diiktirafkan oleh Kerajaan British.¹¹⁰ Keputusan Kuala Kesang ini tidak dapat diterima oleh Tengku Alam. Beliau berkali-kali menghantar surat bantahan kepada Gabenor Negeiri-Negeri Selat dan Pejabat Tanah Jajahan di London, tetapi tidak mendapat pertimbangan yang wajar. Dengan itu pada 1879 Tengku Alam melancarkan gerakan untuk mendapatkan semula kuasa keluarga Sultan ke atas Johor dan Muar, tetapi dikalahkan oleh pasukan Maharaja Abu Bakar. Kegagalan ini menamatkan tuntutan Tengku Alam ke atas Maur.

¹⁰⁸Ibid.

¹⁰⁹C.O.273/93, Michael Hick Beach kepada W.F. Robinson, 20 April 1878 (deraf).

¹¹⁰C.O.273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Maharaja Abu Bakar Johor, 24 Oktober 1878. C.O.273/95, laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878.

SINGKATAN

<i>AMSA</i>	—	"Affairs at Moar [Muar], subsequently to the death of Sultan Ali [Sultan Ali]"
<i>ASM</i>	—	"Affairs of the State of Muar"
<i>CMDSJ</i>	—	"Copy of the Treaty of 1855 between SULTAN OF JOHORE and TUMONGGONG [TEMENGGUNG], and for the CORRESPONDENCE respecting MUAR Since the DEATH of the late SULTAN of Johore"
<i>C.O.</i>	—	'Colonial Office'
<i>CTAMS</i>	—	"Claims of Tunku Allum [Tengku Alam] to the Moar [Muar] Succession"
<i>EMJSR</i>	—	"Election of the Maharaja of Johore to be Sultan of Moar [Muar]"
<i>IMSA</i>	—	"Injustice of the proposed arrangement for the administrations of Moar consequent on Sultan Allie's death"
<i>MASS</i>	—	"Moar [Muar] Affairs - Succession to the Sultanate"
<i>MS</i>	—	"Muar Succession"
<i>PLC</i>	—	"Paper laid before the Legislative Council by Command His Excellency the Governor"
<i>RMJS</i>	—	"Request of the Maharaja of Johore to be recognized as Sultan"
<i>RSM</i>	—	"Ruler of the State of Moar [Muar]"
<i>TATM</i>	—	"Trouble Arrest of the Tumonggong [Temenggung] of Moar [Muar]"
<i>TMS</i>	—	"The Muar Succession"
t.t.	—	tanpa tarikh